




PANDUAN ASAS PENYEMAKAN SUMBER DAN STATUS HADITH

KEMENTERIAN DALAM NEGERI





PANDUAN ASAS PENYEMAKAN SUMBER DAN STATUS HADITH

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

PANDUAN ASAS PENYEMAKAN SUMBER DAN STATUS HADITH

Diterbitkan oleh:
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Cetakan Pertama 2021

Hak cipta Terpelihara. Mana-mana bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disalin atau dipindahkan dengan apa jua cara sekalipun, sama ada dengan komputer, fotokopi, filem dan sebagainya sebelum mendapat kebenaran daripada Kementerian Dalam Negeri.

Reka bentuk dan cetak oleh :
RISING FUSION SDN. BHD.
Wisma RF, No.13, Jalan Diplomatik 2/2,
Presint 15, 62050 Putrajaya

Sidang Editor

Penasihat

Haji Mohd Nawardi bin Saad

Ketua Editor

Dr. Mohd. Zamir bin Bahall

Editorial

Mohd Farid Hadi bin Sharif

Zulwaqar bin Mumtaz

Ahmad Ziad Fahmi bin Shafie

Maruzlina binti Omar

Mohd Faiz bin Abdul Razak

Mohamad Khalid bin Bahrudin

PANEL PENULIS

DR. UDAH BIN MOHSIN
Mantan Pengerusi Lajnah

PROF. DR. MOHD FAUZI BIN MOHD AMIN
Pengerusi Lajnah

PROF. MADYA DR. ISHAK BIN SULIAMAN
Timbalan Pengerusi Lajnah

PROF. MADYA DR. ROHAIZAN BIN BARU
Ahli Lajnah

DR. AHAMAD ASMADI BIN SAKAT
Ahli Lajnah

DR. MUHAMMAD HAPIZI BIN SULAIMAN
Ahli Lajnah

DR. MOHD KHAFIDZ BIN SORONI
Ahli Lajnah

DR. ABDUL RAHMAN BIN ABDUL RAHIM
Ahli Lajnah

ISI KANDUNGAN

Kata-kata Aluan Pengerusi Lembaga Pengawalan Dan Pelesenan Pencetakan Teks Al-Quran	III
Kata-kata Aluan Pengerusi Lajnah Tahqiq Hadith	IV
Tujuan	1
Sasaran Pengguna	1
Takrifan	2
Kaedah <i>Takhrij</i> Hadith	3
Proses Analisis Hadith	8

KATA-KATA ALUAN

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

بسم الله الرحمن الرحيم، الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على سيدنا محمد أشرف الأنبياء والمرسلين وعلى آله وصحبه أجمعين. أما بعد.



Segala puji bagi Allah SWT Tuhan yang mencipta dan mentadbir sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga Baginda dan para sahabat.

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan kurnia dan hidayah-Nya kita masih berkesempatan mengecapi pelbagai nikmat. Antara nikmat yang besar ialah perasaan kasih dan sayang kepada Baginda Rasulullah SAW yang dizahirkan melalui pemeliharaan hadith-hadith Baginda daripada sebarang penyelewengan dan pemalsuan.

Pada kesempatan ini, saya mengucapkan tahniah kepada Jawatankuasa Penyemakan dan Penilaian Hadith (Lajnah Tahqiq Hadith) KDN atas usaha menerbitkan sebuah buku berjudul Panduan Asas Penyemakan Sumber dan Status Hadith. Buku ini amat berguna untuk dijadikan rujukan, panduan dan pedoman dalam mengenal pasti sumber dan status sesuatu hadith.

Penerbitan buku ini adalah hasil kerjasama erat antara Lajnah Tahqiq Hadith dengan pihak Kementerian Dalam Negeri demi menjaga kemuliaan dan kemaksuman Nabi Muhammad SAW, memelihara ketepatan hadith dan membanteras sebarang salah faham dalam huraianannya.

Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan buku ini. Semoga segala usaha yang dilakukan ini mendapat ganjaran pahala di sisi Allah SWT.

(Dato' (Dr) Haji Nooh bin Gadot)

Pengerusi Lembaga Pengawalan Dan Pelesenan Pencetakan Teks Al-Quran
Kementerian Dalam Negeri

KATA-KATA ALUAN

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته



Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang

Segala puji bagi Allah SWT Tuhan yang mencipta dan mentadbir sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga Baginda, para sahabat, para tabi'in dan orang-orang yang mengikut jejak langkah mereka hingga hari akhirat.

Alhamdulillah, saya bagi pihak Ahli Lajnah Tahqiq Hadith di Kementerian Dalam Negeri ingin mengucapkan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan taufiq dan hidayah-Nya telah dapat menyiapkan penulisan buku Panduan Asas Penyemakan Sumber dan Status Hadith.

Buku panduan ini disediakan adalah untuk menjadi panduan dan pedoman dalam pencarian hadith menerusi sumber-sumber hadith yang muktabar serta penyemakan statusnya.

Penyemakan sumber dan status hadith adalah suatu tuntutan dalam Islam, demi memelihara kesucian dan kesahihan sesuatu hadith serta mengekang penyebaran hadith-hadith palsu yang boleh menjejaskan kesucian dan keutuhan aqidah daripada sebarang bentuk penyelewengan, seterusnya menjamin keamanan dan ketenteraman awam. Semoga buku panduan ini dapat menjadi rujukan dan pedoman terutamanya kepada para penulis, pengkaji, penerbit, agensi-agensi kerajaan di semua peringkat dan masyarakat umum.

Buku panduan ini pada asasnya adalah menjelaskan kaedah pengesanan hadith di dalam sumber asal hadith, berdasarkan metode yang disepakati oleh jumur ulama hadith.

Hasil kerjasama erat antara Lajnah Tahqiq hadith dengan pihak Kementerian Dalam Negeri dalam menjaga kemuliaan hadith, memelihara ketepatan hadith dan membanteras sebarang salah faham terhadap huraian hadith adalah suatu usaha murni dan amatlah dihargai.

Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat terutamanya YB Menteri Dalam Negeri, rakan-rakan ahli lajnah, pegawai-pegawai di KDN dan semua pihak yang terlibat bagi menyiapkan penerbitan buku panduan ini.

Semoga dengan penerbitan buku ini dapat memberi manfaat dan sumbangan dalam memelihara kesucian sunnah Nabi Muhammad SAW, serta segala usaha yang dilakukan mendapat ganjaran pahala di sisi Allah SWT.

(Prof. Dr. Mohd Fauzi Mohd Amin)
Pengerusi
Lajnah Tahqiq Hadith
Kementerian Dalam Negeri

PANDUAN ASAS PENYEMAKAN SUMBER DAN STATUS HADITH

1. TUJUAN

Tujuan buku ini disediakan adalah untuk menjadi panduan asas dalam pencarian sumber dan penyemakan status hadith.

2. SASARAN PENGGUNA

Panduan asas ini digunakan sebagai rujukan kepada pihak-pihak berikut:

- Para penulis dan penerbit bahan-bahan yang mengandungi teks hadith sama ada bercetak atau elektronik.
- Agensi-agensi kerajaan di peringkat Persekutuan dan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta.
- Orang awam yang ingin merujuk sumber dan status hadith.

3. TAKRIFAN

Dalam panduan asas ini, terdapat beberapa istilah yang perlu difahami:

<i>Takhrīj</i>	<i>Takhrīj</i> adalah menunjukkan sumber asal hadith setelah dikaji statusnya. ¹
<i>Sanad</i>	<i>Sanad</i> bermaksud rantaian perawi yang menyampaikan kepada <i>matan</i> . ²
<i>Matan</i>	Teks yang terdapat pada akhir <i>sanad</i> sama ada disandarkan kepada Rasulullah SAW, sahabat R.A, tabi'in atau selepasnya. <i>Matan</i> berasal daripada Bahasa Arab " <i>Matn</i> ". <i>Al-Matn</i> ialah percakapan yang terdapat pada akhir <i>sanad</i> . ³
<i>Mutaqaddimīn</i>	Bermaksud para pengkritik (<i>nuqqād</i>) hadith sebelum kurun ke-5 hijrah. ⁴
<i>Muta'akhirīn</i>	Bermaksud para pengkritik (<i>nuqqād</i>) hadith selepas kurun ke-5 hijrah. ⁵
<i>Al-Maṣādir al-Aṣliyyah</i>	Kitab-kitab yang mengandungi hadith-hadith yang diriwayatkan oleh pengarangnya dengan <i>sanadnya</i> sendiri seperti (<i>al-Kutub al-Sittah</i>).
<i>Al-Maṣādir Shibh al-Aṣliyyah</i>	Kitab-kitab yang mengandungi hadith-hadith yang diriwayatkan oleh pengarang dengan <i>sanad</i> lengkap yang dinukilkan daripada pengarang kitab asal seperti hadith yang dinukilkan dengan <i>sanad</i> yang lengkap daripada kitab rujukan asal oleh Ibn Kathīr dalam (<i>Tafsīr al-Qurān al-ʿAzīm</i>).
<i>Al-Maṣādir Ghayr al-Aṣliyyah</i>	Kitab-kitab yang mengandungi hadith yang dinukilkan daripada kitab-kitab asal dan dibuang <i>sanadnya</i> dengan sengaja (kecuali <i>al-rāwī al-aʿlā</i>) untuk tujuan meringkaskan seperti (<i>Riyāḍ al-Ṣāliḥīn</i>) dan (<i>al-Jāmiʿ al-Ṣaghīr</i>).

4. KAEDAH TAKHRĪJ HADITH

Langkah awal yang perlu dilakukan penyemak adalah melakukan *takhrīj* ringkas. Pada masa kini terdapat dua kaedah *takhrīj* hadith iaitu kaedah manual dan kaedah digital.

4.1 KAEDAH MANUAL

Kaedah manual bermaksud melakukan *takhrīj* menggunakan kitab-kitab sumber rujukan asal, *al-Maṣādir al-Aṣliyyah* seperti *Sahīh al-Bukhārī*, *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Sunan Abī Dāwud*, *Sunan al-Tirmidhī*, *Sunan al-Nasā'ī*, *Sunan Ibn Mājah*, *Muwatta' Mālik*, *Sunan al-Dārimī*, dan *Musnad Ahmad*. Atau pun daripada kita-kitab *al-Maṣādir Shibh al-Aṣliyyah* (Sumber Rujukan Menyerupai Asal) dan *al-Maṣādir Ghayr al-Aṣliyyah* (Sumber Rujukan Tidak Asal) Diingatkan bahawa penyemak disyaratkan agar mempunyai pengetahuan bahasa Arab dan asas ilmu hadith yang berkaitan dengan sebaiknya.

Ia dilakukan melalui beberapa cara berikut:

1) Pencarian berdasarkan topik Hadith Nabawi

Kaedah ini digunakan dengan melihat kepada topik sesuatu *matan* hadith. Oleh sebab sesuatu hadith berkemungkinan mengandungi lebih dari satu topik, maka perlu untuk menentukan topik yang terdapat dalam hadith berkenaan.

Langkah seterusnya adalah mencari topik dalam salah satu kitab yang disusun berdasarkan *kitab* dan *bab*. Walau bagaimanapun, sekiranya tidak ditemui hadith berkenaan dalam topik yang diandaikan, maka perlulah beralih ke topik yang lain sehingga ditemui hadith yang dicari. Contohnya, jika sesuatu *matan* hadith berkaitan wuduk, maka hendaklah dicari pada *kitab al-ṭahārah*.

Pembahagian kategori kitab-kitab tersebut adalah seperti berikut:

- ***Al-Jawāmi*^c**

Iaitu kitab-kitab yang menghimpunkan semua bab agama, termasuklah aqidah, ibadat, muamalat, adab, akhlak, *al-zuhd*, *al-raqā'iq*, *al-faḍā'il*, *al-manāqib*, *al-shamā'il*, *al-siyar*, peperangan (*al-maghāzī*), sejarah, tafsir, serta perkara-perkara mengenai akhirat dan selepas mati.

Antara kitab tersebut adalah *al-Jāmi*^c *al-Ṣaḥīḥ* oleh Imām al-Bukhārī, *al-Musnad al-Ṣaḥīḥ* oleh Imām Muslim, dan *al-Jāmi*^c oleh Imām al-Tirmidhī dan lain-lain. Kitab-kitab ini merupakan rujukan asal.

- ***Al-Mustakhrajāt***

Iaitu kitab-kitab yang pengarangnya meriwayatkan semula hadith-hadith dalam kitab hadith tertentu dengan *sanad* mereka sendiri, bukan dengan *sanad* pengarang kitab asal.

*Sanad*nya bertemu dengan *sanad* pengarang kitab asal dalam salah satu *ṭabaqāt sanad*. Contohnya, *sanad* pengarang kitab *al-mustakhraj* itu bertemu dengan guru pengarang kitab asal atau guru kepada gurunya, walaupun pada Sahabat R.A.⁶

Contoh kitabnya, *Mustakhraj Abī Bakr al-Ismā'īlī 'alā Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* oleh Imām Abū Bakr al-Ismā'īlī, *Mustakhraj Abī 'Awānah 'alā Ṣaḥīḥ Muslim* oleh Imām Abū 'Awānah, dan *Mustakhraj Abī Nu'aym al-Aṣbahānī* oleh Imām Abū Nu'aym al-Aṣbahānī bagi kedua-dua kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan Muslim.

- ***Al-Mustadrakāt***

Iaitu kitab-kitab hadith yang disusun berdasarkan bab dan topik hasil daripada pemerhatian dan penelitian kepada syarat-syarat sesuatu kitab hadith. Seterusnya pengarang kitab *mustadrak* meriwayatkan hadith yang tidak diriwayatkan oleh pengarang asal berdasarkan syarat-syarat pengarang kitab asal.⁷

Contohnya, kitab *al-Mustadrak 'alā al-Ṣaḥīḥayn* oleh Imām al-Ḥākim.

- ***Al-Sunan***

Iaitu kitab-kitab hadith yang disusun berdasarkan bab fekah. Kitab ini mengandungi hadith *marfū*^c pada umumnya.

Contohnya, *Sunan Abī Dāwud* oleh Imām Abū Dāwud, *Sunan al-Nasā'ī* oleh Imām al-Nasā'ī, *Sunan Ibn Mājah* oleh Imām Ibn Mājah dan *Sunan al-Dārimī* oleh Imām al-Dārimī.⁸

2) Pencarian berdasarkan lafaz dalam Hadith Nabawī

Kaedah ini dilakukan dengan menggunakan lafaz utama yang terdapat dalam teks hadith. Contohnya, hadith:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّةِ

Lafaz utamanya adalah (النِّيَّةِ). Maka pencarian hendaklah dilakukan berdasarkan lafaz tersebut.

Antara kitab yang dicadangkan bagi kaedah ini ialah kitab *al-Muʿjam al-Mufahras li Alfāz al-Ḥadīth al-Nabawī al-Sharīf*, yang disusun oleh sekumpulan orientalis dengan bantuan Shaykh Muḥammad Fuʾād ʿAbd al-Bāqī.

3) Pencarian berdasarkan awal teks Hadith Nabawī

Kaedah ini juga adalah berdasarkan *matan* hadith dan kaedah ini boleh digunakan apabila diketahui awal *matan* hadith. Contohnya, hadith:

سَبْعَةٌ يُظِلُّهُمُ اللَّهُ فِي ظِلِّهِ، يَوْمَ لَا ظِلَّ إِلَّا ظِلُّهُ

Kenal pasti lafaz awal hadith di atas dan potongan awal hadith ini ialah

(سَبْعَةٌ يُظِلُّهُمُ اللَّهُ)

Kemudian lakukan pencarian potongan lafaz hadith tersebut dari mana-mana kitab berikut:

Pertama: Kitab-kitab yang dikarang untuk menjelaskan tentang hadith-hadith *masyhur* (*al-Mushtaharah*) iaitu kitab-kitab yang menghimpunkan hadith-hadith *masyhur* dalam kalangan para khatib, penceramah dan orang awam.

Antaranya ialah:

- Kitab *al-Maqāsid al-Ḥasanah fī Bayān Kathīr min al-Aḥādīth al-Mushtaharah ʿalā al-ʿAlsinah* oleh Imām al-Sakhāwī.
- Kitab *Kashf al-Khafāʾ wa Muzīl al-Ilbās* oleh Shaykh Ismāʿīl bin Muḥammad al-ʿAjlūnī.

Kedua: Kitab-kitab yang menghimpunkan hadith-hadith berdasarkan tertib huruf *muʿjam*. Antaranya ialah:

- Kitab *Jamʿ al-Jawāmiʿ* atau *al-Jāmiʿ al-Kabīr*, oleh al-Ḥāfiẓ Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī.
- Kitab *Fath al-Kabīr* oleh Shaykh Yūsuf bin Ismāʿīl al-Nabhanī.

4) Pencarian berdasarkan *al-Rāwī al-Aʿlā* (perawi teratas) bagi sesuatu hadith

Kaedah ini adalah kaedah penyemakan berdasarkan *sanad* bukan berdasarkan *matan*. Ini merupakan antara kaedah yang agak sukar dilakukan jika penyemak tidak mengetahui *al-Rāwī al-Aʿlā* bagi sesuatu hadith sama ada *rāwī* sahabat, *tabi'in* atau *tābi' tabi'in*.

Antara kitab yang digunakan dalam kaedah ini ialah:

- ***Al-Masānīd***

Iaitu kitab-kitab yang menghimpunkan hadith yang diriwayatkan oleh seseorang sahabat R.A dalam satu tempat.⁹ Antara yang masyhur adalah *Musnad Aḥmad* oleh Imām Aḥmad bin Ḥanbal, *Musnad al-Ḥumaydī* oleh Imām al-Ḥumaydī, *Musnad Abī Yaʿlā al-Mawṣilī* oleh Imām Abū Yaʿlā al-Mawṣilī dan lain-lain.

- ***Al-Maʿājim***

Iaitu kitab-kitab hadith yang menghimpunkan hadith para sahabat R.A, guru-guru, negeri-negeri atau selainnya dalam satu tempat yang kebiasaannya disusun mengikut huruf abjad (huruf *muʿjam*).¹⁰

Antara yang masyhur adalah *al-Muʿjam al-Kabīr*, *al-Muʿjam al-Awsat* dan *al-Muʿjam al-Ṣaghīr* oleh Imām al-Ṭabarānī.

Perbezaan antara *al-Masānīd* dengan *al-Maʿājim* adalah *al-Maʿājim* disusun berdasarkan huruf abjad (huruf *muʿjam*).

- ***Al-Aṭrāf***

Iaitu kitab hadith yang pengarangnya hanya menyebut sebahagian hadith yang menunjukkan kepada bakinya. Kemudian menyebutkan *sanad* sama ada secara keseluruhan *sanad* atau sebahagian *sanad* yang dikaitkan dengan kitab-kitab tertentu.¹¹

Contohnya, kitab *Tuhfat al-Ashrāf bi maʿrifat al-Aṭrāf* oleh Imām al-Mizzī dan *Dhakhā'ir al-Mawārith fi al-Dilālāh ʿalā Mawāḍiʿ al-Ḥadīth* oleh Shaykh ʿAbd al-Ghanī al-Nābulusī.

5) Berdasarkan salah satu sifat dalam *sanad* atau *matan*

Kaedah ini boleh digunakan apabila terdapat satu sifat yang menonjol dalam hadith sama ada pada *sanad* atau *matan* atau kedua-duanya. Para ulama telah mengumpulkan hadith-hadith dengan sifat-sifat tertentu dalam kitab-kitab yang khusus, seperti *Hadith Qudsī*, *Hadith Mutawātir* atau *hadith masyhur* dalam kalangan orang ramai atau *Hadith Mursal*.

Antara kitab yang digunakan dalam kaedah ini ialah:

- Kitab yang berdasarkan sifat yang terdapat pada *matan* hadith, seperti kitab yang menghimpunkan *Hadith Qudsī*. Antaranya kitab *al-Aḥādīth al-Qudsiyyah al-Arbaʿīniyyah* oleh Shaykh al-ʿAllāmah Mullā ʿAlī al-Qārī dan *al-Ittiḥāfāt al-Sanniyyah bi al-Aḥādīth al-Qudsiyyah* oleh Shaykh ʿAbd al-Raūf al-Munāwī.
- Kitab yang berdasarkan sifat yang terdapat dalam *sanad* hadith, seperti kitab yang menghimpunkan *hadith Mutawātir*. Antaranya kitab *al-Azhār al-Mutanāthirah fī al-Akḥbār al-Mutawātirah* oleh al-Hāfiz al-Suyūṭī dan kitab *Nazm al-Mutanāthir min al-Ḥadīth al-Mutawātir* oleh al-Kattānī. Begitu juga kitab yang menghimpunkan hadith-hadith *Mursal* seperti *al-Marāsīl* oleh Imām Abū Dāwud al-Sijistānī dan kitab *al-Marāsīl* oleh Imām Ibn Abī Ḥātim.
- Kitab yang berdasarkan sifat yang terdapat pada kedua-dua *sanad* dan *matan*, seperti kitab yang membahaskan kecacatan hadith (ʿ*ilal*). Contoh kitab jenis ini ialah *al-Tamyīz* oleh Imām Muslim, *ʿIlal al-Ḥadīth* oleh Imām Ibn Abī Ḥātim dan lain-lain lagi. Selain itu, terdapat kitab yang menghimpunkan hadith *Musalsal* seperti kitab *al-Musalsalāt al-Kubrā* oleh Imām al-Suyūṭī dan kitab *al-Manāhil al-Salsalah fī al-Aḥādīth al-Musalsalah* oleh Muhammad ʿAbd al-Bāqī al-Ayyūbī. Terdapat juga kitab yang mengumpulkan perawi-perawi yang ḍaʿīf atau ditinggalkan seperti kitab *al-Kāmil fī Ḍuʿafāʾ al-Rijāl* oleh Ibn ʿAdī, *Mizān al-Iʿtidāl fī Naqd al-Rijāl* oleh al-Hāfiz al-Dhahabī dan *Lisān al-Mizān* oleh al-Hāfiz Ibn Ḥajar. Begitu juga kitab-kitab yang menghimpunkan hadith-hadith palsu seperti *al-Mawḍūʿāt* oleh Imām Ibn Jawzī *al-Laʿālīʾ al-Maṣnūʿah fī al-Aḥādīth al-Mawḍūʿah* oleh al-Hāfiz al-Suyūṭī.

Perlu diingatkan sekali lagi, penyemakan melalui kaedah manual ini memerlukan kemahiran bahasa Arab yang mencukupi memandangkan ia menggunakan kitab-kitab berbahasa Arab.

4.2 KAEDAH DIGITAL

Kaedah digital adalah merujuk kepada penyemakan hadith menggunakan teknologi maklumat melalui laman sesawang, perisian komputer, cakera padat (CD), aplikasi telefon dan sebagainya.

Melalui kaedah ini, penyemak hanya perlu menaip lafaz utama atau sebahagian potongan hadith sewaktu proses penyemakan.

Dalam versi bahasa Arab, terdapat laman web, perisian dan aplikasi digital yang popular bagi pencarian hadith seperti *al-Maktabah al-Shāmilah* dan *al-Durar al-Saniyyah*.

4.3 PERATURAN UMUM

Penyemak perlu mengesahkan kesahihan dapatan teks hadith yang dilakukan secara dalam talian dengan kitab bercetak atau fail berformat PDF.

5. PROSES ANALISIS HADITH

- 5.1 Hadith yang telah melalui proses *takhrīj* ringkas hendaklah direkodkan pada satu lampiran baru beserta maklumat-maklumat mengenainya seperti perawi, sumber rujukan, nombor dan status hadith tersebut.
- 5.2 Hadith tersebut hendaklah ditentukan sumbernya sama ada dari riwayat dalam *Ṣaḥīḥ* al-Bukhārī dan *Ṣaḥīḥ* Muslim, atau salah satu dari kedua-duanya. Jika ia bersumber dari kedua-duanya atau salah satu dari kedua-duanya, maka hadith tersebut dianggap sebagai hadith *ṣaḥīḥ* dan tidak memerlukan proses semakan lanjut.

- 5.3 Kitab-kitab *Ṣaḥīḥ* yang lain yang pengarangnya beriltizam untuk hanya meriwayatkan hadith-hadith *ṣaḥīḥ* sahaja adalah sudah memadai hukuman itu secara umum seperti *Ṣaḥīḥ* Ibn Khuzaymah, *Ṣaḥīḥ* Ibn Hibbān, *Ṣaḥīḥ* Ibn al-Sakan.¹² Namun begitu, selain *Ṣaḥīḥ* al-Bukhārī dan Muslim, meskipun para pengarang menyatakan kitabnya *sahih*, adalah hanya *sahih* mengikut syarat pengarang berkenaan.
- 5.4 Hadith-hadith yang telah *dinaṣkan* oleh ulama-ulama yang mu^ctabar yang terdapat dalam kitab-kitab hadith yang masyhur seperti *Sunan Abū Dāwud*, *Sunan al-Tirmidhī*, *Sunan al-Nasā'ī* dan *Sunan al-Dāraqūṭnī* maka jika pengarangnya telah memberikan hukum hadith maka adalah berpada dengan hukum hadith tersebut. Sebagai contoh, hukum hadith yang telah diberikan oleh Imām al-Tirmidhī di dalam kitab *al-Jāmi'*. Walau bagaimanapun, adalah tidak boleh dihukumkan *ṣaḥīḥ* hanya kerana semata-mata hadith itu terdapat dalam kitab-kitab tersebut. Ini kerana pengarangnya tidak semestinya beriltizam untuk meriwayatkan hadith-hadith *ṣaḥīḥ* sahaja.¹³

Hadith-hadith yang telah *dinaṣkan* kesahihannya oleh seseorang imam hadith dan dinukilkan menerusi *sanadnya* yang *ṣaḥīḥ* seperti *Su'ālāt Aḥmad* dan *Su'ālāt Ibn Ma'īn* maka adalah memadai bagi kesahihan hadith.¹⁴

Hadith-hadith yang telah dihukumkan oleh seseorang imam yang mu^ctabar dan tidak dikenali sebagai seorang yang longgar dalam menghukum hadith sama ada *ṣaḥīḥ*, *ḥasan*, *ḍa'īf* atau *mawḍū'* maka hukuman itu adalah memadai.¹⁵

- 5.5 Jika hadith tersebut belum lagi dinyatakan statusnya, hendaklah dicari pendapat para *ḥuffaẓ* hadith *Mutaqaddimīn*. Sekiranya tidak terdapat, hendaklah dicari pendapat ilmuwan hadith *Muta'akhirīn*.

Sekiranya tidak terdapat status hadith yang dinyatakan oleh *ḥuffaẓ Mutaqaddimīn* dan *Muta'akhirīn* selepas pencarian dilakukan, maka perlu dilakukan kajian *sanad* hadith oleh mereka yang berkeahlian.

Antara contoh *ḥuffaẓ* hadith *Mutaqaddimīn* ialah Imām al-Bukhārī (194-256H), Imām Muslim (206-261H), Imām Abū Zur'ah (200-264H), Imām Abū Dāwud (202-275H), Imām Abū Ḥatim (195-277H) dan Imām al-Tirmidhī (209-279H).

Antara contoh *ḥuffaẓ* hadith *Muta'akhirīn* pula ialah Imām al-Nawawī (631-676H), al-Ḥāfiẓ Ibn Daqīq al-ʿId (625-702H), al-Ḥāfiẓ al-ʿIrāqī (725-806H) dan al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar al-ʿAsqalānī (773-852 H).

- 5.6 Langkah terakhir yang perlu dilakukan setelah urusan memproses hadith selesai adalah menyimpulkan penyemakan tersebut dengan cara merekod *al-rāwī al-a‘lā, matan*, kitab, bab, nombor, tarikh cetakan, nama penerbit (jika ada) dan status hadith tersebut secara sempurna.

-
1. Lihat ‘Abd al-Mawjūd (1984). *Kashf al-Lithām ‘an Asrār Takhrīj Ahādīth Sayyid al-Anām Ṣallā Allah ‘alayh wa Sallam*. Maktabah al-Azhar, al-Qāhirah. (1) 28. al-‘Ukaylah et.al, (2004). *al-Wāḍiḥ fī Fanni Takhrīj wa Dirāsah al-Asānīd*. Dār al-Ḥāmid li al-Nashr wa al-Tawzī‘, Shafā Badrān. 27.
 2. Lihat Al-Ṭībī, al-Ḥusayn bin ‘Abd Allah (1971). *al-Khulāṣah fī Uṣūl al-Ḥadīth*. Iḥyā’ al-Turāth al-Islāmī. al-Jumhūriyyah al-‘Irāqīyyah. al-Suyūṭī (1995) *Tadrīb al-Rāwī fī Sharḥ Taqrīb al-Nawāwī*. Maktabah al-Kawthar, Riyāḍ. (1) 27. Al-Qāsimī, Muḥammad Jamāl al-Dīn (1961). *Qawā‘id al-Taḥdīth min Funūn Muṣṭalah al-Ḥadīth*. Dār Iḥyā’ al-Kutub al-‘Arabīyyah, al-Qāhirah. Al-Ṭaḥḥān, Maḥmūd (2009). *Uṣūl al-Takhrīj wa Dirāsah al-Asānīd*. Dār al-Qur’ān al-Karīm, Bayrūt. Uḍah Mohsin (1995). *Ulum al-Hadith*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Al-Khayr Ābādī, Abū al-Layth (2005). *‘Ulūm al-Ḥadīth Aṣīluhā wa Mucāṣiruhā*. Dār al-Shākir, Selangor. 25-26.
 3. Lihat Al-Ṭībī, al-Ḥusayn bin ‘Abd Allah (1971). *al-Khulāṣah fī Uṣūl al-Ḥadīth*. Iḥyā’ al-Turāth al-Islāmī. al-Jumhūriyyah al-‘Irāqīyyah. Al-Qāsimī, Muḥammad Jamāl al-Dīn (1961). *Qawā‘id al-Taḥdīth min Funūn Muṣṭalah al-Ḥadīth*. Dār Iḥyā’ al-Kutub al-‘Arabīyyah, al-Qāhirah. Al-Khumaysī, ‘Abd al-Raḥman bin Ibrāhīm (2000) *Mu‘jam ‘Ulūm al-Ḥadīth al-Nabawī*. Dār al-Andalus al-Khaḍrā’, Jiddah. Uḍah Mohsin (1995). *Ulum al-Hadith*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
 4. al-‘Asqalānī, Ibn Ḥajar (1984). *al-Nukat calā Kitāb Ibn al-Ṣalāḥ*. al-Jāmi‘ah al-Islāmiyyah, al-Madīnah al-Munawwarah. (2) 586.
 5. Lihat al-‘Asqalānī, Ibn Ḥajar (1984). *al-Nukat calā Kitāb Ibn al-Ṣalāḥ*. al-Jāmicah al-Islāmiyyah, al-Madīnah al-Munawwarah. (2) 586.
 6. Lihat Al-Ṭaḥḥān, Maḥmūd (2009). *Uṣūl al-Takhrīj wa Dirāsah al-Asānīd*. Dār al-Qur’ān al-Karīm, Bayrūt. 114.
 7. Lihat Al-Ṭaḥḥān, Maḥmūd (2009). *Uṣūl al-Takhrīj wa Dirāsah al-Asānīd*. Dār al-Qur’ān al-Karīm, Bayrūt. 116.
 8. Lihat al-Kattānī, Muḥammad bin Ja‘far (1993). *al-Risālah al-Mustaṭrafah li Bayān Mashhūr Kutub al-Sunnah al-Musharrafah*. Dār al-Bashā‘ir al-Islāmiyyah. Uḍah Mohsin (1995). *Ulum al-Hadith*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
 9. Lihat al-Suyūṭī (1995). *Tadrīb al-Rāwī fī Sharḥ Taqrīb al-Nawāwī*. Maktabah al-Kawthar, Riyāḍ. Al-Ṭaḥḥān, Maḥmūd (2009). *Uṣūl al-Takhrīj wa Dirāsah al-Asānīd*. Dār al-Qur’ān al-Karīm, Bayrūt. 40. Uḍah Mohsin (1995). *Ulum al-Hadith*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
 10. Lihat Al-Ṭaḥḥān, Maḥmūd (2009). *Uṣūl al-Takhrīj wa Dirāsah al-Asānīd*. Dār al-Qur’ān al-Karīm, Bayrūt. 45.
 11. Al-Ṭaḥḥān, Maḥmūd (2009). *Uṣūl al-Takhrīj wa Dirāsah al-Asānīd*. Dār al-Qur’ān al-Karīm, Bayrūt. 47. Al-Ghawrī, ‘Abd Mājid (2012) *Mu‘jam al-Muṣṭalahāt al-Ḥadīthiyyah*. Dār al-Shākir, Selangor. 100-101.

12. Ibn al-Şalāḥ, ʿUthmān bin ʿAbd al-Raḥman, W. 643H. 1986/1406. Muqaddimah Ibn al-Şalāḥ fi ʿUlūm al-Ḥadīth, taḥqīq Nūr al-Dīn ʿItir. Suria: Dār al-Fikr. 21 lihat juga Maḥmūd al-Ṭaḥḥān. T.T. *Uşūl al-Takhrīj wa Dirāsah al-Asānīd*. Dār al-Kutub al-Salafiyyah. 231.
13. Ibn al-Şalāḥ, ʿUthmān bin ʿAbd al-Raḥman, W. 643H. 1986/1406. Muqaddimah Ibn al-Şalāḥ fi ʿUlūm al-Ḥadīth, taḥqīq Nūr al-Dīn ʿItar. Suria: Dār al-Fikr. 21 lihat juga Al-Qāsimī, Muḥammad Jamāl al-Dīn. 1961/1380. *Qawāʿid al-Taḥdīth min Funūn Muşṭalaḥ al-Ḥadīth*. Al-Qāhirah: Dār Iḥyāʾ al-Kutub al-ʿArabiyyah, ʿIsa al-Babi al-ʿArabi. 259.
14. Maḥmūd al-Ṭaḥḥān. T.T. *Uşūl al-Takhrīj wa Dirāsah al-Asānīd*. Dār al-Kutub al-Salafiyyah. 215.
15. ibid.

Nota



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Blok D1, D2 & D9, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran, Kerajaan Persekutuan,
62546 Putrajaya

Tel: 03 8000 8000 | Fax: 03 88891613 / 03 88891610
Emel: webmaster@moha.gov.my